



RANGKA KERJA SEMAKAN PEMATUHAN E-INVOIS



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
TARIKH KUAT KUASA 15 DISEMBER 2025**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. PENGENALAN	1
2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	2
3. SEMAKAN PEMATUHAN e-INVOIS LHDNM	3
3.1 Objektif Semakan Pematuhan e-Invois	3
3.2 Aktiviti Semakan Pematuhan e-Invois	3
3.3 Kaedah Semakan Pematuhan e-Invois	3
4. TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI	4
5. PEMILIHAN KES	5
6. PELAKSANAAN SEMAKAN PEMATUHAN e-INVOIS	5
6.1 Tindakan Awal Semakan Pematuhan e-Invois	5
6.2 Lawatan Semakan Pematuhan e-Invois	6
6.3 Tempoh Lawatan Semakan Pematuhan e-Invois	7
6.4 Semakan Rekod	8
6.5 Penemuan Semakan Pematuhan e-Invois	10
6.6 Penyelesaian Semakan Pematuhan e-Invois	11
7. PENGAKUAN SUKARELA	11
8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB	13
8.1 Pegawai Pematuhan e-Invois	13
8.2 Pembayar Cukai	15
8.3 Ejen Cukai Berdaftar	18

KANDUNGAN	MUKA SURAT
9. KERAHSIAAN MAKLUMAT	19
10. KESALAHAN / DENDA / KUASA MENGGOMPAUN	20
11. PENGADUAN	23
12. PROSEDUR BAYARAN KOMPAUN	24
13. PROSES RAYUAN	24
14. TARIKH KUAT KUASA	25

1. PENGENALAN

- 1.1. Pentadbiran sistem percukaian yang adil, telus dan saksama akan dapat mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian tersebut. Pematuhan terhadap undang-undang percukaian hendaklah dikuat kuasakan dengan tegas dan kesalahan percukaian seperti ketidakpatuhan dan pengelakan cukai hendaklah diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang percukaian yang sedang berkuat kuasa.
- 1.2. Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), aktiviti pematuhan adalah aktiviti utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Seseorang pembayar cukai boleh diaudit pada bila-bila masa.
- 1.3. LHDNM telah melaksanakan e-Invois secara berperingkat bermula pada 01 Ogos 2024 bagi meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran percukaian negara dalam usaha menyokong pertumbuhan ekonomi digital. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan strategi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang mana fokus diberikan kepada pengukuhan infrastruktur perkhidmatan digital dan pendigitalan pentadbiran cukai.
- 1.4. Pelaporan e-Invois membolehkan pengesahan dapat dilaksanakan secara hampir serta-merta serta menjadi platform penyimpanan transaksi bagi urus niaga yang melibatkan Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B), Perniagaan-ke-Pengguna (B2C) dan Perniagaan-ke-Kerajaan (B2G).
- 1.5. Rangka Kerja Semakan Pematuhan e-Invois (RKe) yang dikeluarkan oleh LHDNM ini bertujuan untuk memastikan semakan pematuhan e-Invois dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama. RKe ini menggariskan hak serta tanggungjawab pegawai pematuhan e-Invois LHDNM (PEI), pembayar cukai dan ejen cukai. Secara umumnya, RKe ini bertujuan untuk:
 - 1.5.1. membantu PEI menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan;

- 1.5.2. membantu pembayar cukai memahami proses kerja pematuhan dan memenuhi tanggungjawab mereka;
- 1.5.3. memastikan hanya ejen cukai berdaftar sahaja yang dilantik untuk mewakili pembayar cukai dalam proses pematuhan; dan
- 1.5.4. membantu ejen cukai memahami skop tugas dan tanggungjawab mereka.

2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- 2.1 Peruntukan undang-undang berkenaan dengan semakan pematuhan e-Invois LHDNM adalah meliputi pemakaian Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP) dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (ACAPL).
- 2.2 Selain itu, Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (KKCP), Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan, Garis Panduan, Ketetapan Umum, Nota Amalan dan dokumen rujukan perundangan berkaitan percukaian lain turut terpakai dalam proses semakan pematuhan yang dikendalikan oleh PEI.
- 2.3 Tanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi jualan atau perkhidmatan dalam tahun taksiran tertentu tertakluk di bawah seksyen 82C ACP 1967, seksyen 34B APCP 1967 dan seksyen 22DA ACAPL 1990.
- 2.4 Bagi tujuan semakan pematuhan e-Invois, Garis Panduan e-Invois dan Garis Panduan Spesifik e-Invois yang sedang berkuat kuasa adalah terpakai.

3. SEMAKAN PEMATUHAN e-Invois LHDNM

3.1 Objektif Semakan Pematuhan e-Invois

- 3.1.1 Objektif utama aktiviti semakan pematuhan e-Invois LHDNM adalah untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian selaras dengan pelaksanaannya.
- 3.1.2 Selain itu, aktiviti semakan pematuhan e-Invois merupakan salah satu cara penguatkuasaan undang-undang percukaian. PEI bertanggungjawab memastikan pematuhan undang-undang percukaian berkaitan e-Invois telah dilaksanakan dengan teratur oleh pembayar cukai bagi membantu pembangunan pentadbiran cukai yang unggul di Malaysia.

3.2 Aktiviti Semakan Pematuhan e-Invois

Aktiviti semakan pematuhan e-Invois berfokus kepada pematuhan pembayar cukai ke atas peruntukan undang-undang percukaian yang berkaitan pelaksanaan e-Invois di Malaysia. Aktiviti tersebut melibatkan proses semakan, pemeriksaan serta pengesahan rekod dan dokumen perniagaan yang dikemukakan oleh pembayar cukai secara manual dan dokumen yang dikemukakan oleh pembayar cukai secara e-Invois.

3.3 Kaedah Semakan Pematuhan e-Invois

Bagi kesemua aktiviti audit, LHDNM menjalankan dua (2) kaedah semakan audit iaitu semakan umum dan semakan menyeluruh sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Rangka Kerja Audit Cukai Pendapatan dan Majikan (RKACPM). Walau bagaimanapun, bagi tujuan aktiviti semakan pematuhan e-Invois, hanya kaedah semakan menyeluruh sahaja yang terpakai seperti berikut:

- 3.3.1 Semakan menyeluruh bagi aktiviti semakan pematuhan e-Invois melibatkan sesi temu duga berkaitan modus operandi perniagaan dan akan dijalankan di premis pembayar cukai atau mana-mana premis atau tempat yang dipersetujui oleh pembayar cukai dan LHDNM;

RANGKA KERJA SEMAKAN PEMATUHAN E-INVOIS
Tarikh Kuat Kuasa : 15 Disember 2025

3.3.2 Semakan menyeluruh melibatkan semakan ke atas semua dokumen perniagaan pembayar cukai yang perlu mematuhi pelaksanaan e-Invois termasuk;

- i. rekod invois jualan, resit jualan dan dokumen berkaitan jualan;
- ii. rekod invois belian, borang pesanan dan dokumen berkaitan belian;
- iii. rekod berkaitan pengeluaran nota debit, nota kredit dan nota bayaran balik; dan
- iv. lain-lain dokumen sumber invois.

3.3.3 Sekiranya rekod perniagaan tidak disimpan dengan lengkap, semakan pematuhan e-Invois boleh melibatkan semakan / pemeriksaan rekod bukan perniagaan pembayar cukai seperti penyata bank persendirian, senarai milikan aset dan lain-lain dokumen. Pembayar cukai akan dimaklumkan terlebih dahulu melalui surat atau e-mel rasmi sebelum semakan menyeluruh dijalankan.

4. TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI

4.1 Liputan tahun taksiran dalam pelaksanaan aktiviti semakan pematuhan e-Invois LHDNM adalah seperti berikut:

Aktiviti Semakan Pematuhan	Liputan Semakan Pematuhan	Had Masa
Pematuhan e-Invois di bawah peruntukan ACP dan APCP	Boleh meliputi sehingga dua (2) tahun taksiran	Tindakan pendakwaan boleh diambil sehingga dua belas (12) tahun dari tahun kesalahan dilakukan. (subseksyen 121(1) ACP dan subseksyen 59(1) APCP)

5. PEMILIHAN KES

- 5.1 Pemilihan kes semakan pematuhan e-Invois dilakukan melalui dapatan analisis sistem komputer dan berdasarkan kepada kriteria penilaian risiko yang ditetapkan dan / atau berasaskan kepada pelbagai punca maklumat yang diterima. Kriteria dan jenis punca maklumat boleh berubah dari semasa ke semasa.

6. PELAKSANAAN SEMAKAN PEMATUHAN e-INVOIS

6.1 Tindakan Awal Semakan Pematuhan e-Invois

- 6.1.1 Sebagaimana yang telah dijelaskan di perenggan 3.3, aktiviti semakan pematuhan dilaksanakan secara semakan menyeluruh. Proses kerja semakan pematuhan melibatkan beberapa fasa. Tindakan awal semakan pematuhan adalah seperti berikut:
- a. LHDNM boleh mengadakan lawatan ke mana-mana premis pembayar cukai atau berkaitan pembayar cukai dengan memaklumkan kepada pembayar cukai terlebih dahulu.
 - b. Surat Pemberitahuan Lawatan Semakan Pematuhan akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kalendar sebelum tarikh lawatan.
 - c. Pembayar cukai boleh menghubungi Pengarah Operasi Negeri Seksyen e-Invois dan Audit Majikan / Pengarah Bahagian Cawangan Khas LHDNM yang berkenaan bagi tujuan pengesahan lawatan semakan pematuhan tersebut.
 - d. Sekiranya Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan dikeluarkan, pembayar cukai boleh membuat permohonan untuk menangguhkan tarikh lawatan semakan pematuhan atas sebab-sebab yang munasabah dan tidak dapat dielakkan.

- e. Surat Pemberitahuan Lawatan Semakan Pematuhan akan mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. tarikh lawatan;
 - ii. senarai rekod-rekod yang perlu disediakan;
 - iii. tahun taksiran / tempoh rekod yang terlibat dengan semakan pematuhan;
 - iv. nama PEI; dan
 - v. jangka masa lawatan.
- f. Sekiranya didapati dokumen yang diperlukan berkenaan dengan transaksi perniagaan di Malaysia disimpan di luar negara oleh syarikat yang berkaitan, adalah menjadi tanggungjawab pembayar cukai untuk menyediakan semua dokumen tersebut di premis pembayar cukai untuk semakan pematuhan sebelum lawatan dilaksanakan.

6.2 Lawatan Semakan Pematuhan e-Invois

6.2.1 Semasa lawatan semakan pematuhan e-Invois, PEI akan:

- a. memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa yang memaparkan nama dan gambar PEI berkenaan atau surat kuasa yang dikeluarkan oleh LHDNM.
- b. memberitahu tujuan lawatan kepada pembayar cukai di peringkat awal lawatan.
- c. memaklumkan kepada pembayar cukai / ejen cukai bahawa di bawah seksyen 80 ACP, seksyen 33 APCP dan / seksyen 22D ACPL atau lain-lain peruntukan di bawah akta-akta yang ditadbir oleh LHDNM, PEI pada setiap masa mempunyai kuasa sepenuhnya dan bebas untuk:
 - i. memasuki serta memeriksa segala tanah, bangunan dan tempat; dan

RANGKA KERJA SEMAKAN PEMATUHAN E-INVOIS
Tarikh Kuat Kuasa : 15 Disember 2025

- ii. melihat segala buku, dokumen, objek, artikel, material dan barang serta memeriksa, mengambil, membuat salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen tanpa membuat apa-apa bayaran.
- d. Selain daripada itu, PEI turut bertanggungjawab untuk:
 - i. memberitahu skop dan tempoh semakan / pemeriksaan dokumen yang perlu diambil untuk semakan pematuhan;
 - ii. memberitahu nama, nombor telefon pejabat PEI dan pegawai kanan yang mengawasi lawatan semakan pematuhan;
 - iii. memberitahu hak dan tanggungjawab pembayar cukai semasa lawatan semakan pematuhan dijalankan;
 - iv. membuat semakan / pemeriksaan dokumen di tempat yang dilawati;
 - v. mengakses, memuat turun dan mengambil maklumat yang berkaitan daripada sebarang peralatan media elektronik; dan
 - vi. menemu duga pembayar cukai serta mana-mana orang / kakitangan utama / pekerja-pekerja yang berkenaan mengikut keperluan di premis yang dilawati.

6.3 Tempoh Lawatan Semakan Pematuhan e-Invois

- 6.3.1 Tempoh masa yang diperlukan untuk lawatan semakan pematuhan adalah antara satu (1) hingga tiga (3) hari.
- 6.3.2 Walau bagaimanapun, tempoh tersebut mungkin dilanjutkan bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- a. saiz dan kerumitan transaksi perniagaan yang dijalankan;
- b. bentuk rekod yang disimpan; atau
- c. tahap kerjasama yang diberikan oleh pembayar cukai.

6.4 Semakan Rekod

6.4.1 Semasa proses semakan pematuhan, PEI hendaklah dibenarkan menyemak semua rekod perniagaan termasuk:

- a. rekod kewangan syarikat / perniagaan;
- b. lejar transaksi / baucar bayaran / penyata bank;
- c. transaksi e-Invois (invois, nota debit, nota kredit dan nota bayaran balik); dan
- d. lain-lain dokumen yang berkaitan.

6.4.2 Di bawah peruntukan seksyen 80 ACP, seksyen 33 APCP, seksyen 22D ACAPL, PEI dibenarkan mengakses sepenuhnya rekod-rekod pembayar cukai. Sekiranya perlu, PEI hendaklah dibenarkan membuat salinan rekod dan dokumen yang berkaitan.

6.4.3 Sekiranya terdapat keperluan untuk pengambilan dokumen dan rekod asal pembayar cukai oleh PEI, PEI akan menyediakan senarai dan akuan terimaan pengambilan dokumen dan rekod yang mana senarai tersebut akan ditandatangani oleh PEI dan pembayar cukai atau ejen cukai. Pembayar cukai boleh menyemak dokumen dan rekod tersebut serta membuat salinan ke atas senarainya (jika perlu).

6.4.4 Sekiranya buku dan rekod perakaunan / dokumen kewangan disimpan secara elektronik, PEI dibenarkan mengakses sistem komputer, *server* atau gajet serta memuat turun data-data perakaunan tersebut ke dalam cakera padat, pemacu pena (*pen drive*), cakera keras

RANGKA KERJA SEMAKAN PEMATUHAN E-INVOIS
Tarikh Kuat Kuasa : 15 Disember 2025

mudah alih (*portable hard disk*) atau sebarang media penyimpanan lain.

6.4.5 PEI akan menjalankan semakan ke atas semua dokumen dan rekod yang berkaitan bagi menentukan bahawa pelaksanaan e-Invois telah dipatuhi dengan teratur.

6.4.6 Pembayar cukai perlu memastikan rekod berkaitan perniagaan disimpan dan mematuhi ketetapan umum berhubung dengan penyimpanan rekod yang telah dikeluarkan seperti berikut:

- a. Ketetapan Umum LHDNM No. 4/2000: Penyimpanan Rekod yang Mencukupi (Syarikat dan Koperasi) (Pindaan);
- b. Ketetapan Umum LHDNM No. 5/2000: Penyimpanan Rekod yang Mencukupi (Individu dan Perkongsian) (Pindaan); dan
- c. Ketetapan Umum LHDNM No. 6/2000: Penyimpanan Rekod yang Mencukupi (Orang Selain Daripada Syarikat, Koperasi atau Individu) (Pindaan).

6.4.7 Ketidakpatuhan ke atas pelaksanaan e-Invois adalah kesalahan seperti berikut:

Bil.	Akta	Ketidakpatuhan	Peruntukan Kesalahan
1.	ACP 1967	Perenggan 82(1)(b)	Perenggan 119A(b)
		Seksyen 82B dan subseksyen 82C(1), 82C(6) dan 82C(7)	Perenggan 120(1)(d)
2.	APCP 1967	Subseksyen 34B(1) dan 34B(6)	Seksyen 57B
3.	ACAPL 1990	Subseksyen 22DA(1), 22DA(6) dan 22DA(7)	Seksyen 22EA

6.4.8 Menurut subseksyen 82(2A) ACP 1967, pengeluaran resit di bawah perenggan 82(1)(b) ACP 1967 adalah dikecualikan sekiranya pembayar cukai telah

mengeluarkan e-invois berkenaan barang yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan di bawah seksyen 82C ACP 1967.

6.4.9 Pembayar cukai yang melaksanakan e-Invois disatukan di bawah subseksyen 82C(7) ACP 1967 masih dikehendaki mengeluarkan resit untuk setiap amaun yang diterima berkenaan dengan barang yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 82(2B) ACP 1967.

6.4.10 Sekiranya pembayar cukai gagal menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap, PEI akan menggunakan kaedah atau pendekatan yang terbaik bagi menentukan sesuatu pendapatan telah dilaporkan / pematuhan tanggungjawab pembayar cukai dalam melaksanakan e-Invois adalah betul dan sepatutnya.

6.5 Penemuan Semakan Pematuhan e-Invois

6.5.1 Bagi semakan pematuhan e-Invois, surat penemuan akan dikeluarkan mengikut kategori penemuan seperti berikut:

- a. Pembayar Cukai Patuh;
- b. Pembayar Cukai Tidak Patuh; atau
- c. Pembayar Cukai Dikecualikan.

6.5.2 Surat Penemuan Semakan Pematuhan e-Invois kepada pembayar cukai yang gagal patuh akan dikemukakan berserta Penyata Kegagalan e-Invois dan Surat Pemohonan Kompau di bawah ACP, APCP dan ACAPL.

6.5.3 Jika pembayar cukai tidak berpuas hati dengan penemuan yang dikeluarkan, pembayar cukai boleh membuat bantahan secara rasmi dalam tempoh lapan belas (18) hari kalendar dari tarikh surat penemuan dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahan.

6.5.4 Bantahan pembayar cukai akan disemak dan pemakluman sewajarnya akan dibuat kepada pembayar cukai bagi

sebarang penemuan yang dimuktamadkan selepas semakan dilakukan.

6.5.5 Jika tiada bantahan diterima dalam tempoh lapan belas (18) hari kalendar dari tarikh surat penemuan, pembayar cukai dianggap bersetuju dengan penemuan tersebut.

6.5.6 Pembayar cukai yang bersetuju dengan penemuan semakan pematuhan e-Invois boleh menghubungi Cawangan Guaman Lembah Klang atau Seksyen Undang-Undang LHDNM Negeri yang berkenaan untuk pembayaran kompaun.

6.6 Penyelesaian Semakan Pematuhan e-Invois

6.6.1 Tindakan semakan pematuhan dianggap bermula pada tarikh permulaan lawatan semakan pematuhan e-Invois dijalankan.

6.6.2 Kes semakan pematuhan e-Invois perlu diselesaikan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh permulaan semakan pematuhan e-Invois.

6.6.3 Walau bagaimanapun, tempoh penyelesaian di atas tidak terpakai bagi kes yang mana pengesahan lanjut diperlukan daripada pihak berkaitan.

6.6.4 Kes semakan pematuhan e-Invois yang telah diselesaikan tidak akan dibuka semula bagi tahun taksiran dan isu yang sama. Walau bagaimanapun, jika terdapat isu-isu lain atau maklumat baharu yang diterima bagi tahun taksiran berkenaan, semakan pematuhan semula e-Invois boleh dijalankan.

7. PENGAKUAN SUKARELA

7.1 Bagi semakan pematuhan e-Invois, pengakuan sukarela bermaksud pembayar cukai membuat pengakuan sukarela secara bertulis melalui surat atau media elektronik kepada Pengarah Operasi Negeri Seksyen e-Invois dan Audit Majikan / Pengarah Bahagian Cawangan Khas LHDNM yang berkenaan, selepas tempoh yang ditetapkan

untuk melaksanakan e-Invois dan pada bila-bila masa sebelum tindakan semakan pematuhan e-Invois bermula.

- 7.2 Pembayar cukai boleh membuat pengakuan sukarela dalam keadaan berikut:

7.2.1 Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) telah dikemukakan sebelum pengakuan sukarela

Pengakuan sukarela perlu dikemukakan bersama dokumen asas berikut:

- a. Salinan Borang Nyata Cukai Pendapatan
- b. Akaun beraudit / penyata pendapatan;
- c. Maklumat lengkap isu-isu berkaitan pengakuan sukarela bersama lejar / dokumen berkaitan;
- d. e-Invois / e-Invois bil sendiri / e-Invois disatukan (termasuk nota kredit / nota debit / nota bayaran balik) yang gagal dilaporkan;
- e. Nota Bayaran Balik e-Invois/ Nota Bayaran Balik Kendiri/ Nota Bayaran Balik Disatukan/ Nota Bayaran Balik Kendiri Disatukan yang gagal dilaporkan; dan
- f. Lain-lain maklumat berkaitan.

7.2.2 BNCP belum dikemukakan semasa pengakuan sukarela

Pembayar cukai boleh membuat pengakuan sukarela pada bila-bila masa dengan mengemukakan maklumat lengkap transaksi bagi tujuan pengesahan.

- 7.3 LHDNM akan membuat semakan ke atas dokumen-dokumen yang disediakan dan akan memohon dokumen atau maklumat tambahan serta memanggil pembayar cukai untuk memberikan penjelasan lanjut di pejabat LHDNM sekiranya perlu.

- 7.4 Pembayar cukai yang gagal mengemukakan dokumen dan maklumat lengkap seperti digariskan dalam RKe ini tanpa alasan

yang munasabah adalah dianggap gagal memenuhi syarat pengakuan sukarela dan akan menyebabkan pengakuan sukarelanya tidak diterima.

- 7.5 Pembayar cukai akan dimaklumkan sekiranya terdapat semakan lanjut yang perlu dibuat ke atas maklumat pengakuan sukarela yang dikemukakan sebelum kes dimuktamadkan secara persetujuan bersama.
- 7.6 Sekiranya tiada pelarasan lanjut dan maklumat yang dikemukakan oleh pembayar cukai diterima seadanya, maka pengakuan sukarela tersebut adalah muktamad dan makluman akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sebelum kes dimuktamadkan.
- 7.7 Sekiranya dokumen yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah tidak lengkap:
 - 7.7.1 lawatan semakan pematuhan akan dibuat atau surat pertanyaan akan dikeluarkan kepada pembayar cukai; dan
 - 7.7.2 semakan lanjut akan dibuat ke atas maklumat tambahan yang diperolehi daripada lawatan semakan pematuhan / surat pertanyaan tersebut.

8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB

- 8.1 Pegawai Pematuhan e-Invois (PEI)
 - 8.1.1 PEI dikehendaki mematuhi peraturan dan kod etika yang digariskan oleh LHDNM dalam menjalankan tugasnya seperti berikut:
 - a. profesional, bersopan, amanah, jujur dan berintegriti;
 - b. sentiasa bersedia menerangkan tujuan kerja semakan pematuhan dan hak serta tanggungjawab pembayar cukai;
 - c. berpengetahuan dan melaksanakan undang-undang percukaian dengan adil dan saksama;

- d. bekerjasama dan sedia memberi nasihat dan bimbingan kepada pembayar cukai;
- e. memastikan pelaksanaan semakan pematuhan berjalan lancar dengan penggunaan masa yang optimum;
- f. meminta dokumen, buku akaun dan maklumat-maklumat yang berkaitan sahaja;
- g. memberi penjelasan ke atas penemuan semakan kes serta memberi peluang kepada pembayar cukai memberi penjelasan dan maklum balas ke atas isu-isu yang dipertikaikan di dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- h. memastikan hak dan kepentingan pembayar cukai, ejen cukai dan dokumen-dokumen pembayar cukai terpelihara.

8.1.2 Pengenalan diri PEI:

- a. setiap PEI diberikan kad kuasa yang tertera nama dan gambar. Kad ini juga mengandungi kenyataan bahawa pegawai berkenaan diberi kuasa menyemak buku-buku akaun, dokumen serta rekod di premis pembayar cukai;
- b. pembayar cukai dinasihatkan untuk memeriksa kad kuasa bagi mengesahkan kesahihan identiti PEI; dan
- c. pembayar cukai boleh menyemak dengan Pengarah Operasi Negeri Seksyen e-Invois dan Audit Majikan / Pengarah Bahagian Cawangan Khas LHDNM yang berkenaan jika merasa sangsi terhadap kesahihan identiti PEI.

8.1.3 PEI dilarang:

- a. mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan terhadap perniagaan pembayar cukai yang diaudit;
- b. mengesyorkan kepada pembayar cukai untuk melantik ejen cukai tertentu sebagai ejen bagi sesuatu kes semakan pematuhan; dan
- c. menyalahgunakan kedudukan atau kuasa yang ada dalam menjalankan tugas, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 118 ACP dan seksyen 56 APCP.

8.2 PEMBAYAR CUKAI

8.2.1 Tanggungjawab pembayar cukai:

- a. memberikan kerjasama, bersopan, berlaku adil, jujur dan berintegriti;
- b. menyediakan kemudahan dan bantuan yang munasabah bagi membolehkan PEI menjalankan tugas sebagaimana yang digariskan dalam Ketetapan Umum No. 7/2000 – Memberi Kemudahan dan Bantuan Yang Munasabah yang antaranya adalah seperti berikut:
 - i. membenarkan PEI memasuki premis perniagaan, memberi maklumat dan menyediakan dokumen-dokumen dan rekod-rekod untuk disemak;
 - ii. memberi penerangan berhubung dengan perniagaan, sistem perakaunan dan maklumat;
 - iii. memberi kebenaran menyemak dan menyalin rekod, dokumen dan buku akaun sama ada dalam bentuk fizikal dan / atau elektronik;

RANGKA KERJA SEMAKAN PEMATUHAN E-INVOIS
Tarikh Kuat Kuasa : 15 Disember 2025

- iv. membantu menyediakan dan / atau mengakses rekod, dokumen, buku akaun yang disimpan secara fizikal dan / atau elektronik; dan
 - v. membenarkan penggunaan mesin penyalin, telefon atau alat komunikasi yang lain, peralatan elektrik, ruang pejabat, perabot dan kemudahan sistem salinan elektronik seperti cakera padat, pemacu pena (*pen drive*), cakera keras mudah
 - vi. alih (*portable hard disk*) atau sebarang media penyimpanan lain.
- c. memberi kerjasama untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan:
- i. sekiranya soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas, pembayar cukai boleh memohon penjelasan lanjut daripada PEI;
 - ii. bagi kes perniagaan tunggal atau perkongsian, pembayar cukai boleh disoal mengenai soalan-soalan peribadi berhubung perbelanjaan, simpanan, akaun bank, aset-aset dan lain-lain; dan
 - iii. pembayar cukai dianggap melakukan satu kesalahan di bawah peruntukan ACP, APCP, ACAPL dan KKCP sekiranya gagal bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan.
- d. mematuhi notis di bawah seksyen 81 ACP / notis di bawah seksyen 34 APCP.

8.2.2 Pembayar cukai adalah dilarang:

- a. memberi sebarang bentuk hadiah kepada PEI dan mengurusniaga dengan PEI sepanjang tempoh aktiviti semakan pematuhan dijalankan;
- b. membuat sebarang bentuk bayaran kepada PEI; dan

- c. menghalang PEI daripada menjalankan tugas. Halangan tersebut adalah satu kesalahan di bawah seksyen 116 ACP, seksyen 54 APCP dan seksyen 24 (1) yang melibatkan perkara-perkara berikut:
 - i. menghalang atau enggan membenarkan PEI memasuki mana-mana tanah, bangunan dan tempat menurut seksyen 80 ACP, seksyen 33 APCP atau seksyen 22D. (1) ACAPL;
 - ii. menghalang PEI untuk menjalankan fungsi-fungsi dan tugas di bawah ACP dan APCP;
 - iii. enggan mengemukakan apa-apa buku akaun atau dokumen lain dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apabila diminta berbuat demikian oleh PEI;
 - iv. gagal memberikan bantuan yang munasabah kepada PEI dalam menjalankan tugasnya; atau
 - v. enggan menjawab apa-apa soalan yang berkaitan semasa semakan pematuhan dijalankan.

8.2.3 Hak melantik ejen cukai / jurubahasa

- a. Pembayar cukai berhak melantik ejen cukai berdaftar dalam pelaksanaan pematuhan cukai LHDNM sekiranya perlu.
- b. Lantikan ejen cukai perlu dibuat secara rasmi melalui pengeluaran surat lantikan ejen cukai dan salinan surat berkenaan perlu dikemukakan kepada LHDNM sebelum sebarang fungsi ejen dimulakan.

Pembayar cukai juga berhak untuk menggunakan khidmat jurubahasa semasa sesi temu duga atau perbincangan sekiranya pembayar cukai tidak fasih berbahasa Melayu atau Inggeris.

8.3 EJEN CUKAI BERDAFTAR

- 8.3.1 Seorang individu hanya dibenarkan menjalankan profesion sebagai ejen cukai, konsultan cukai atau penasihat cukai untuk mewakili pembayar cukai sekiranya orang tersebut adalah seorang ejen cukai sepertimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 153(3) ACP iaitu mana-mana akauntan profesional atau orang yang diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 153(1) ACP.
- 8.3.2 LHDNM berhak menolak pelantikan ejen oleh pembayar cukai sekiranya orang yang dilantik gagal mengemukakan bukti kelulusan ejen cukai di bawah subseksyen 153(3) ACP yang masih berkuat kuasa.
- 8.3.3 Seorang ejen cukai mempunyai tanggungjawab sosial terhadap negara secara keseluruhannya. Ejen cukai perlu memberikan nasihat terbaik kepada pelanggannya serta menegaskan kepada pelanggannya tentang kewajipan membayar cukai seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
- 8.3.4 Ejen cukai berdaftar adalah tertakluk kepada kod etika yang telah dikeluarkan oleh LHDNM yang berasaskan kepada prinsip - prinsip berkaitan dengan integriti, akauntabiliti, ketelusan dan tanggungjawab sosial. Kegagalan ejen cukai mematuhi Kod Etika Ejen Cukai boleh mengakibatkan kelulusan ejen cukai ditarik balik atau ditamatkan atau tidak diperbaharui.
- 8.3.5 Dalam melaksanakan tugas, ejen cukai berdaftar hendaklah:
- a. berintegriti, mempunyai nilai profesionalisme dan berpengetahuan tinggi terhadap undang-undang dan amalan percukaian;
 - b. jujur, amanah, telus dan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pembayar cukai dan juga LHDNM, seperti memaklumkan penamatan khidmat mereka sebagai ejen cukai serta sentiasa

mengikuti prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh LHDNM;

- c. tidak menggunakan maklumat yang diperolehi atau menyalahgunakan kedudukan sebagai ejen cukai bagi tujuan kepentingan peribadi;
- d. sentiasa memberikan maklum balas yang tepat berkenaan perkembangan aktiviti semakan pematuhan dan menasihati pembayar cukai berdasarkan kepada fakta yang tepat dan betul; dan
- e. memelihara kerahsiaan sesuatu maklumat dan memastikan maklumat tersebut tidak didedahkan kepada pihak yang tidak diberi kuasa subseksyen 138(1) ACP, subseksyen 71(1) APCP dan subseksyen 20(1) ACAPL.

8.3.6 Ejen cukai berdaftar adalah dilarang:

- a. melengahkan proses penyelesaian semakan pematuhan cukai / atau melepaskan tanggungjawab yang telah diamanahkan; dan
- b. menawar atau memberi sebarang bentuk hadiah kepada PEI termasuk bagi pihak pembayar cukai.

9. KERAHSIAAN MAKLUMAT

LHDNM akan memastikan semua maklumat yang diperolehi daripada pembayar cukai sama ada melalui temu duga, perbincangan, surat menyurat atau semakan rekod dan dokumen adalah rahsia dan hanya digunakan bagi tujuan percukaian sahaja.

10. KESALAHAN / DENDA / KUASA MENGGOMPAUN

10.1 Bagi kes semakan pematuhan e-Invois, sebarang penemuan berkaitan kesalahan akan dikenakan denda dan hukuman bagi setiap transaksi gagal patuh sepertimana di bawah peruntukan akta-akta berikut:

i. Akta Cukai Pendapatan 1967

Peruntukan Undang-Undang	Keterangan Kesalahan	Hukuman
Perenggan 82(1)(b) ACP	1. Gagal mengeluarkan resit bercetak yang bernombor siri bagi perniagaan yang mempunyai hasil kasar melebihi RM150,000 daripada penjualan barangan atau melebihi RM100,000 daripada perkhidmatan yang dijalankan dalam suatu tahun taksiran. 2. Gagal menyimpan salinan bagi setiap resit yang telah dikeluarkan.	Denda tidak kurang daripada RM300.00 dan tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak lebih satu (1) tahun atau kedua-duanya berdasarkan perenggan 119A(b) ACP.
Subseksyen 82C(1) ACP	Gagal untuk mengeluarkan invois elektronik (e-Invois) yang mengandungi butiran sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dan mengikut syarat dan spesifikasi yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi setiap transaksi penjualan barang atau perkhidmatan yang dilaksanakan dalam suatu tahun taksiran itu.	Denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam (6) bulan atau kedua-duanya berdasarkan perenggan 120(1)(d) ACP.
Subseksyen 82C(6) ACP	(a) Gagal untuk mengeluarkan invois bil sendiri bagi barang yang diperoleh atau bagi perkhidmatan yang dinikmati bagi mana-mana tahun taksiran mengikut syarat-syarat sebagaimana yang	Denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam (6) bulan atau

RANGKA KERJA SEMAKAN PEMATUHAN E-INVOIS
Tarikh Kuat Kuasa : 15 Disember 2025

Peruntukan Undang-Undang	Keterangan Kesalahan	Hukuman
	dikenakan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri: atau (b) Kegagalan oleh penyedia platform perdagangan elektronik untuk mengeluarkan invois bil sendiri bagi setiap transaksi penjualan barang atau setiap perkhidmatan yang dilaksanakan oleh mana-mana orang lain bagi mana-mana tahun taksiran mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.	kedua-duanya berdasarkan perenggan 120(1)(d) ACP.
Subseksyen 82C(7) ACP	Gagal untuk mengemukakan invois transaksi yang disatukan bagi setiap penjualan barang atau setiap perkhidmatan yang dilaksanakan dalam tahun taksiran itu kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mengikut masa dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.	Denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam (6) bulan atau kedua-duanya berdasarkan perenggan 120(1)(d) ACP.

ii. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

Peruntukan Undang-Undang	Keterangan Kesalahan	Hukuman
Subseksyen 34B(1) APCP	Gagal untuk mengeluarkan invois elektronik (e-Invois) yang mengandungi butiran sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dan mengikut syarat dan spesifikasi yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi setiap transaksi penjualan	Denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam (6) bulan atau kedua-duanya berdasarkan seksyen 57B APCP.

RANGKA KERJA SEMAKAN PEMATUHAN E-INVOIS
Tarikh Kuat Kuasa : 15 Disember 2025

Peruntukan Undang-Undang	Keterangan Kesalahan	Hukuman
	barang atau perkhidmatan yang dilaksanakan daripada operasi petroleum dalam suatu tahun taksiran itu.	
Subseksyen 34B(6), APCP	Gagal untuk mengeluarkan invois bil sendiri bagi barang yang diperolehi atau bagi perkhidmatan yang dinikmati bagi mana-mana tahun taksiran mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.	Denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam (6) bulan atau kedua-duanya berdasarkan seksyen 57B APCP.

iii. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

Peruntukan Undang-Undang	Keterangan Kesalahan	Hukuman
Subseksyen 22DA(1) ACAPL	Gagal untuk mengeluarkan invois elektronik (e-Invois) yang mengandungi butiran sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dan mengikut syarat dan spesifikasi yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi setiap transaksi penjualan barang atau perkhidmatan yang dilaksanakan dalam suatu tahun taksiran itu.	Denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam (6) bulan atau kedua-duanya berdasarkan seksyen 22EA ACAPL.
Subseksyen 22DA(6) ACAPL	(a) Gagal untuk mengeluarkan invois bil sendiri bagi barang yang diperolehi atau bagi perkhidmatan yang dinikmati bagi mana-mana tahun taksiran mengikut syarat-syarat sebagaimana yang	Denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam (6) bulan atau kedua-duanya

RANGKA KERJA SEMAKAN PEMATUHAN E-INVOIS
Tarikh Kuat Kuasa : 15 Disember 2025

Peruntukan Undang-Undang	Keterangan Kesalahan	Hukuman
	dikenakan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri: atau (b) Kegagalan oleh penyedia platform perdagangan elektronik untuk mengeluarkan invois bil sendiri bagi setiap transaksi penjualan barang atau setiap perkhidmatan yang dilaksanakan oleh mana-mana orang lain bagi mana-mana tahun taksiran mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.	berdasarkan seksyen 22EA ACAPL.
Subseksyen 22DA(7) ACAPL	Gagal untuk mengemukakan invois transaksi yang disatukan bagi setiap penjualan barang atau setiap perkhidmatan yang dilaksanakan dalam tahun taksiran itu kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mengikut masa dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.	Denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam (6) bulan atau kedua-duanya berdasarkan seksyen 22EA ACAPL.

11. PENGADUAN

- 11.1 Pembayar cukai boleh membuat aduan jika tidak berpuas hati dengan sikap PEI atau cara pengendalian semakan pematuhan kepada Pengarah Operasi Negeri Seksyen e-Invois dan Audit Majikan / Pengarah Bahagian Cawangan Khas / Pengarah Negeri / Ketua Pegawai Sektor Pematuhan Cukai / Timbalan Ketua Pengarah / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

11.2 LHDNM akan mengambil tindakan tegas, adil dan saksama dalam menangani aduan yang diterima.

11.3 LHDNM tidak akan melayan sebarang aduan yang tidak berasas serta mempunyai unsur-unsur atau niat yang tidak baik.

11.4 LHDNM akan membuat aduan terhadap ejen cukai atau wakilnya yang tidak memberi kerjasama atau bersikap tidak profesional dan bertentangan dengan kod etika kepada pihak berkuasa berkenaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia / *Chartered Tax Institute of Malaysia* / Institut Akauntan Malaysia / Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia / Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia / Majlis Peguam.

12. PROSEDUR BAYARAN KOMPAUN

12.1 Bagi kes yang melibatkan penemuan dan pengenaan kompaun, prosedur bayaran kompaun akan dirujuk ke Cawangan Guaman Lembah Klang atau Seksyen Undang-Undang LHDNM Negeri yang berkenaan.

12.2 Bayaran kompaun hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Jika tiada bayaran kompaun diterima dalam tempoh tersebut, tindakan pendakwaan boleh diteruskan.

13. PROSES RAYUAN

13.1 Semakan Semula (Rayuan)

13.1.1 Kes akan dikemukakan kepada Cawangan Guaman Lembah Klang atau Seksyen Undang-Undang LHDNM Negeri berkenaan untuk tindakan selanjutnya selepas lapan belas (18) hari kalendar dari tarikh surat penemuan dikeluarkan.

13.1.2 Jika masih tidak berpuas hati dengan penemuan / pindaan penemuan yang dikeluarkan, boleh membuat rayuan untuk tidak diteruskan dengan tindakan pendakwaan kepada Cawangan Guaman Lembah Klang atau Seksyen Undang-

Undang LHDNM Negeri berkenaan dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahannya.

- 13.1.3 Sebarang keputusan berhubung rayuan akan dimaklumkan sewajarnya kepada pembayar cukai.

14. TARIKH KUAT KUASA

Rangka Kerja Semakan Pematuhan E-Invois ini berkuat kuasa mulai 15 Disember 2025.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
15 Disember 2025**